



TOKIO MARINE
INSURANCE GROUP

Lembaran Fakta

Kebakaran

Perlindungan

Polisi ini melindungi harta anda daripada kerugian atau kerosakan akibat kebakaran atau kilat.

Anda boleh memperluaskan perlindungan ke atas risiko berikut dengan membayar premium tambahan:

- Kerosakan pesawat
- Gempa bumi dan letusan gunung berapi
- Ribut & taufan
- Banjir
- Letusan
- Kerosakan hentaman
- Letusan atau limpahan radas tangki air atau paip
- Penenggelaman dan gelinciran tanah
- Kerosakan rusuhan mogok dan niat jahat
- Kebakaran lalang / semak
- Pembakaran spontan
- Pengendorsan kebocoran perenjis
- Kerosakan oleh pokok tumbang atau dahan atau objek darinya

Pengecualian Utama

- Kerugian atau kerosakan oleh sebab kecurian semasa atau selepas berlakunya sesuatu kebakaran
- Kerugian atau kerosakan sebagai akibat daripada kebakaran harta di bawah perintah oleh mana-mana pihak berkuasa awam
- Kerugian atau kerosakan oleh kebakaran bawah tanah
- Perang, perang saudara dan sebarang tindakan keganasan
- Risiko radioaktif dan tenaga nuklear
- Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh pencemaran
- Pengenalpastian tarikh
- Kerosakan harta kepada data atau perisian

APAKAH YANG HARUS ANDA KETAHUI Semasa Membeli Insurans Terhadap Harta Anda

Nilai Diinsuranskan/Jumlah Diinsuranskan

Pastikan harta anda diinsuranskan secukupnya dengan mengambil kira pengubahsuaian dan penaiktarafan yang dilakukan terhadap harta tersebut.

Anda harus memutuskan bentuk pampasan ke atas kerugian atau kerosakan harta anda, sama ada berdasarkan Dasar Indemniti atau Dasar Pengembalian Semula, dan jumlah diinsuranskan akan membayangkan pilihan anda. Untuk dasar pengembalian semula, jumlah diinsuranskan harus menanggung kos pembinaan semula harta anda jika berlakunya kerugian atau kerosakan. Anda harus mendapatkan nasihat dari penilai harta profesional untuk mengenal pasti anggaran harta anda.

Sekiranya harta anda di bawah pembiayaan pinjaman dan diinsuranskan oleh syarikat kewangan, anda harus memastikan harta anda diinsuranskan pada nilai yang berpatutan. Secara kebiasaan, perlindungan yang diatur oleh syarikat kewangan anda adalah berdasarkan amanah pembiayaan pinjaman anda. Oleh itu, anda mungkin ingin membeli insurans tambahan untuk memberi perlindungan tambahan kepada kepentingan anda dengan lebih baik.

Adalah penting bagi anda untuk menyimpan dokumen-dokumen yang membuktikan pemilikan dan nilai bagi barang yang diinsuranskan, contohnya resit pembelian, gambar bagi barang bernilai anda, kerana bukti sedemikian adalah berguna semasa membuat tuntutan.

Syarat Purata

Jika amanah diinsuranskan bagi polisi insurans anda kurang daripada kos pembinaan semula (contohnya, insurans terkurang, anda harus menanggung sendiri terhadap perbezaannya. Syarat purata akan dikenakan jika berlakunya tuntutan.

Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad

198601000381 (L49520-U)

Level 20, Menara Hap Seng 3, Plaza Hap Seng, No. 1, Jalan P. Ramlee, 50250 Kuala Lumpur, Malaysia.

T: (03) 2027 8200 / 2789 8800 F: (03) 2022 2295 Customer Service Hotline: 1800 88 0812

tokiomarine.com

A member of the
Tokio Marine Group

Contoh:

Jumlah kos untuk membina semula sebuah rumah ialah RM100,000, jumlah diinsuranskan ialah RM80,000 dan kerugian ialah RM5,000. Cara pengiraan syarat purata adalah seperti berikut:

$$\text{Jumlah diinsuranskan: } \text{RM}80,000 \times \text{Kerugian: RM}5,000 = \text{RM}4,000$$

Kos pembinaan semula: RM100,000

Dalam contoh di atas, pihak kami hanya akan membayar RM4,000, bukannya RM5,000 bagi kerugian tersebut. Anda dikehendaki menanggung sendiri terhadap perbezaannya yang berjumlah RM1,000.

Bayaran Premium

- Premium mesti dijelaskan dan diterima oleh pihak kami dalam tempoh 60 hari dari tarikh bermulanya perlindungan ini; jika tidak, perlindungan ini akan dibatalkan secara automatik dan anda tetap bertanggungjawab untuk membayar premium berkadar untuk tempoh 60 hari.
- Anda dinasihatkan supaya membayar premium secara terus kepada pihak kami, sama ada dengan tunai, kad kredit atau cek. Jika anda ingin membayar premium melalui pengantara insurans anda, sila pastikan cek anda hanya dibayar atas nama **Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad**.
- Pastikan untuk meminta resit bagi premium yang dibayar daripada pengantara insurans anda atau pihak kami.
- Hubungi pihak kami jika polisi anda tidak diterima selepas satu bulan dari tarikh pembelian.

APA YANG PERLU ANDA TAHU KETIKA MEMBUAT TUNTUTAN

Jika harta anda mengalami kerosakan/kerugian:

- Anda harus memberitahu pihak kami secara bertulis tentang semua butiran secepat mungkin
- Anda harus membuat pertimbangan yang sewajarnya untuk mengurangkan kerugian lanjutan yang lebih teruk/buruk terhadap situasi berkenaan.
 - Jika pemberian sementara diperlukan untuk memberhentikan kerosakan yang lebih teruk, anda harus memastikan langkah berkenaan diambil dengan segera dan bil bagi kerja yang diambil hendaklah disimpan sebagai sebahagian daripada tuntutan anda. Contoh bagi pemberian sementara adalah menggunakan kain poliuretana/plastik yang kalis air untuk menutup bahagian yang rosak bagi mengelakkan kerosakan yang lebih teruk oleh air hujan.
 - Jika pemberian kekal diperlukan, anda harus mendapatkan sebut harga bagi kerja pemberian tersebut dan kemukakan kepada pihak kami untuk mendapat kebenaran sebelum memulakan kerja pemberian berkenaan.

Penyelesaian Tuntutan

Amaun pampasan adalah bergantung kepada dasar perlindungan:

- Asas Indemniti akan membayar kos pemberian ke atas kerugian atau kerosakan harta setelah ditolak amaun susut nilai; atau
- Asas Nilai Pengembalian Semula akan membayar kos penuh untuk pemberian harta yang rosak tanpa menolak susut nilai, dengan syarat jumlah perlindungan adalah mencukupi untuk menampung jumlah kos pengembalian semula harta tersebut.

Jika tiada sebarang syarat khas, perlindungan akan diberi berdasarkan dasar indemniti. Jika anda hendak mendapat perlindungan berdasarkan dasar pengembalian semula, polisi anda harus mempunyai lampiran fasal berkenaan.

Lebihan, sebagai amaun yang harus anda tanggung sebelum pihak kami membayar tuntutan anda adalah terpakai untuk peril tertentu, seperti tuntutan terhadap tangki air melimpah, ribut angin, gempa bumi dan banjir.

Membuat Tuntutan

- Anda harus mengemukakan tuntutan anda dengan melampirkan semua maklumat dan dokumen sokongan kepada pihak kami dengan secepat mungkin. Semakin banyak maklumat yang dikemukakan (menjelaskan jenisnya, tarikh pembelian dan harga pembelian) dapat memudahkan proses penilaian kami terhadap tuntutan anda.
- Anda harus memberi kerjasama sepenuhnya kepada adjuster/penyiasat yang dilantik oleh pihak kami ketika membuat penilaian terhadap tuntutan anda.

BAGAIMANA CARA UNTUK MEMBUAT Aduan Dan Saluran Penyelesaian Yang Tersedia



Tulis kepada :

1. Pusat Hubungan Bersepadu Bank Negara Malaysia melalui bnmtelelink@bnm.gov.my, atau
2. pengantara insurans Ombudsman Perkhidmatan Kewangan.

Sebagai alternatif, anda boleh melawat terus ke kaunter BNMLINK untuk menfaikan aduan anda (sila rujuk kepada www.bnm.gov.my/bnmlink/index.htm) atau anda boleh membawa kes anda ke mahkamah.

Untuk maklumat lanjut mengenai Tokio Marine serta produk dan perkhidmatan kami, sila layari laman web kami www.tokiomarine.com.my

Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.